

Kematian Saddam burukkan imej AS

B.H m/s 14 5.1.07

Pentadbiran Bush cuba cuci tangan terbabit kontroversi hukuman gantung



Meniti Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

SADDAM HUSSEIN, bekas diktator Iraq digulingkan Amerika Syarikat (AS) melalui penaklukan tentera tiga tahun lalu, akhirnya digantung sampai mati di Utara Baghdad pada dinihari Sabtu lalu ketika umat Islam di seluruh dunia bersiap-siap untuk menyambut Aidiladha.

Hukuman itu dilaksanakan atas arahan Perdana Menteri Iraq, Nuri Kamal al-Maliki walaupun Washington cuba memujuk Maliki sehingga ke saat-saat akhir agar menangguhkan hukuman itu sebagai menghormati sensitiviti umat Islam.

Begitulah *news spin* atau putaran berita yang cuba ditonjolkan pegawai Amerika ke seluruh dunia berhubung kontroversi di sebalik penggantungan bekas presiden yang berusia 69 tahun itu.

INTI PATI

Kontroversi penggantungan Saddam

- Putaran berita cuba ditonjolkan pegawai Amerika dengan mengatakan hukuman itu dilaksanakan atas arahan Perdana Menteri Iraq, Nuri Kamal al-Maliki, walaupun Washington meminta menangguhkan hukuman sebagai menghormati sensitiviti umat Islam.
- Percubaan mencuci tangan dan melemparkan kesalahan kepada pihak berkuasa Iraq hanya dilakukan beberapa hari selepas Saddam menjalani hukuman.
- Seluruh dunia tahu kerajaan berkuasa di Iraq sekarang adalah kerajaan boneka didalangi Washington.
- Hukuman itu bertentangan

ketika perayaan agama, boleh dilakukan tanpa restu dan lampu hijau Presiden Bush.

Lagi pun, Saddam yang sebelum itu berada di bawah kawalan tentera Amerika tidak akan dapat digantung jika beliau tidak diserahkan kepada pihak berkuasa Iraq. Dalam hubungan ini, Saddam sebenarnya lebih bijak daripada Presiden Bush apabila beliau dalam satu kenyataan pada saat menjelang kematiannya menyifatkan dirinya sebagai korban Aidiladha dan kematiannya adalah kematian seorang Syuhada.

Percubaan Washington untuk mencuci tangan ini pasti akan gagal seperti gagalannya mereka sehingga kini untuk meyakinkan dunia mengenai rasional di sebalik penaklukan Iraq pada 2003.

Seperti sudah diketahui umum, alasan untuk mencari senjata pemusnah besar-besaran (WMD), mewujudkan demokrasi di rantau Asia Barat, membebaskan rakyat Iraq dan pelbagai lagi wajaran yang tidak wajar ternyata menjadi senjata makan tuan atau menikam diri sendiri.

Satu-satunya rasional yang dapat mereka buktikan sebagai alasan menyerang

tungan itu).

Katanya, tindakan sadis menayangkan pelaksanaan hukuman gantung itu ke seluruh dunia adalah satu perbuatan mempersendakan keadilan dan bermaksud untuk menunjukkan kuasa imperial Amerika Syarikat dan sebagai amaran kepada rakyat yang cintakan keamanan sama ada mereka tunduk kepada kemahuan pentadbiran Bush atau menerima hukuman gantung di khalayak ramai.

Apa pun yang akan dilakukan Bush seterusnya adalah untuk mengukuhkan kedudukannya, termasuk menghantar lebih ramai tentera untuk mententeramkan keadaan di Iraq yang kini menghadapi ancaman peperangan saudara, beliau tidak akan berjaya memenangi peperangan imej dan pendapat umum dunia.

Perkembangan selanjutnya tidak mungkin dapat membantu beliau dalam hubungan ini.

Walaupun, beliau mungkin sudah mengarahkan kerajaan boneka pimpinan al-Maliki di Baghdad memburu untuk dijadikan kambing hitam orang yang dikatakan bertanggungjawab merakam dan mengedarkan visual upacara penggantungan itu kepada pihak media, beliau pasti

Apa yang perlu difahami ialah perbezaan mencuci tangan dan melemparkan kesalahan kepada pihak berkuasa Iraq ini hanya dilakukan beberapa hari selepas Saddam menjalani hukuman yang mendapat kutukan di seluruh dunia termasuk daripada kalangan rakyat Amerika Syarikat sendiri.

Sebelum itu, pegawai Amerika yang kini sibuk mengeluarkan pelbagai kenyataan untuk membersihkan diri membisu seribu bahasa, walaupun rakaman yang menggambarkan kekecohan ketika pengantungan itu disiarkan secara meluas menerusi pelbagai saluran televisyen dan internet.

Dipercayai bahawa beberapa jurucakap Washington yang kebanyakan mereka tidak dinamakan dan sering dipetik media Amerika Syarikat itu terdiri daripada pegawai risikan dan komunikasi yang dipilih khusus untuk menganggotai satu pasukan khas yang dipanggil 'Office of Strategic Communication'.

Pasukan komunikasi sulit ini ditubuhkan selepas peristiwa 11 September 2001 untuk merangka strategi bagi memperbaiki imej Washington khususnya imej Presiden George W Bush yang ketika itu mulai tercalar dan jatuh merudum.

Pasukan itu juga bertanggungjawab melakukan *damage control* atau mengekang kemusnahan imej apabila ia berlaku.

dengan Perlembagaan Iraq yang melarang hukuman gantung dilaksanakan ketika perayaan agama.

- Saddam sebelum itu berada di bawah kawalan tentera Amerika tidak dapat digantung jika tidak diserahkan kepada pihak berkuasa Iraq.

Soalnya ialah berjayakah mereka membersihkan imej Amerika khususnya imej Presiden Bush kali ini sedangkan selama ini strategi yang mereka rangka tidak pernah berkesan?

Mampukah mereka mengaburi pandangan umum dunia bahawa Washington sebenarnya tidak ada kena mengena dengan keputusan tergesa-gesa untuk melaksanakan hukuman gantung terhadap Saddam ketika umat Islam di seluruh dunia sedang merayakan Aidiladha?

Seluruh dunia tahu bahawa kerajaan yang berkuasa di Iraq sekarang adalah kerajaan boneka yang secara keseluruhan didalangi Washington. Dengan itu terlalu sukar untuk dipercayai bahawa hukuman terhadap Saddam yang bertentangan dengan Perlembagaan Iraq sendiri yang melarang hukuman gantung dilaksanakan

Iraq dulu ialah negara memusnahkan Saddam. Ia betul-betul terbukti benar kerana Saddam sudah pun musnah (meninggal dunia).

Mungkin itu saja pertimbangan yang masih ada kepada Washington, iaitu menghebahkan pada dunia bahawa Amerika sebuah kuasa yang gagah dan berani.

Ia tidak akan teragak-agak menggunakan kuasa ini untuk menghancurkan sesiapa saja atau negara mana jua yang cuba menentangnya.

Seperti kata seorang pengulas, Prof Dr Shad Saleem, masa yang dipilih untuk menggantung Saddam, iaitu ketika azan Subuh sedang dilaungkan pada Aidiladha adalah satu tindakan sangat tidak sensitif, penghinaan dan provokatif, tetapi Washington tidak peduli semua itu kerana apa yang ia mahukan bukan disayangi tetapi ditakuti.

Mungkin satu-satunya reaksi paling keras berhubung episod ini ialah daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan menerusi *Bernama*, beliau yang juga anggota Jawatankuasa Antarabangsa bagi Pembelaan Sadam menyifatkan hukuman itu sebagai kejam, sadis dan satu pembunuhan di khalayak ramai (berikutan penyariran secara meluas visual penggan-

tidak boleh membebankan dirinya daripada penelitian antarabangsa.

Setakat ini seorang peguam Perancis, Emmanuel Ludot, yang turut membela Saddam sudah menghantar surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Ban Ki-moon, meminta badan dunia itu menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat berhubung hukuman gantung terhadap bekas Presiden Iraq itu.

Menurut beliau suasana dan keadaan yang menyelubungi hukuman terhadap Saddam itu tidak dapat diterima dari segi prinsip.

Peguam itu menjelaskan sebelum kematiannya, Saddam adalah seorang tawanan perang dan dengan itu beliau sepatutnya mendapat faedah perlindungan menerusi Konvensyen Geneva, 1949.

Ludot juga mendakwa perbuatan merakamkan wajah Saddam ketika beliau digantung satu pelanggaran hak asasinya.

"Kenapa PBB tidak mengambil sebarang langkah memelihara sedikit maruah seorang tawanan perang?" katanya.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara